

Bil. S 55

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))**

PERINTAH AKTA TARAF KEBANGSAAN BRUNEI (PINDAAN), 2002

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
2. Pindaan gelaran panjang Penggal 15.
3. Pindaan bab 2.
4. Pemasukan bab-bab 17A dan 17B baru.

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH AKTA TARAF KEBANGSAAN BRUNEI (PINDAAN), 2002

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Taraf Kebangsaan Brunei (Pindaan), 2002.

Pindaan gelaran panjang Penggal 15.

2. Gelaran panjang kepada Akta Taraf Kebangsaan Brunei, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta utama, adalah dipinda dengan memasukkan "dan bagi bintang-bintang kebesaran Negara Brunei Darussalam dan luar negeri," sejurus selepas "taraf tersebut" dalam baris terakhir.

Pindaan bab 2.

3. Bab 2 dari Akta utama adalah dipinda, dalam ceraian (1) —

(a) dengan memasukkan sejurus sebelum takrifan "kanak-kanak" takrifan yang berikut —

" "bintang kebesaran Negara Brunei Darussalam" bermakna suatu darjah kebesaran, pingat kehormatan, pengurniaan gelaran atau bintang kebesaran yang disebut dalam bab 17B;"

(b) dengan memasukkan sejurus selepas takrifan "warganegara United Kingdom dan Tanah-Tanah Jajahan" takrifan yang berikut —

" "bintang kebesaran luar negeri" bermakna suatu darjah kebesaran, pingat kehormatan, pengurniaan gelaran atau bintang kebesaran yang disebut dalam perenggan (a) ceraian (1) bab 17A;"

Pemasukan bab-bab 17A dan 17B baru.

4. Akta utama adalah dipinda dengan memasukkan dua bab baru yang berikut sejurus selepas bab 17 —

"Bintang-bintang kebesaran luar negeri.

17A. (1) Mana-mana orang, sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan —

(a) tidaklah boleh, tanpa terlebih dahulu mendapat titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, memperoleh atau menerima sebarang darjah kebesaran, pingat kehormatan, pengurniaan gelaran atau bintang kebesaran daripada mana-mana negara atau wilayah di luar Negara Brunei Darussalam, atau daripada mana-mana bahagian negara atau wilayah tersebut, atau daripada mana-mana orang di dalam negara atau wilayah tersebut atau di mana-mana bahagiannya; atau

(b) setelah mendapat titah perkenan tersebut, hendaklah mematuhi sebarang syarat yang dikenakan ke atas pengurniaan titah perkenan tersebut.

(2) Mana-mana orang itu yang telah memperoleh atau menerima suatu bintang kebesaran luar negeri sebelum permulaan kuatkuasa Perintah Akta Taraf Kebangsaan Brunei (Pindaan), 2002 tanpa terlebih dahulu mendapat titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh pada bila-bila masa memohon kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi mendapatkan titah perkenan Baginda terhadap perolehan atau penerimaannya.

(3) Mana-mana orang itu yang telah memperoleh atau menerima suatu bintang kebesaran luar negeri tanpa mendapat titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di bawah perenggan (a) cerai (1) atau di bawah cerai (2) tidaklah boleh menggunakan atau memakai bintang kebesaran luar negeri tersebut di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam.

(4) Mana-mana orang itu yang telah memperoleh atau menerima suatu bintang kebesaran luar negeri dengan mendapat titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidaklah boleh menggunakan atau memakai bintang kebesaran luar negeri tersebut di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam dengan melanggar sebarang syarat yang dikenakan ke atas pengurniaan titah perkenan tersebut.

(5) Mana-mana orang itu yang melanggar atau gagal mematuhi peruntukan-peruntukan cerai (1), (3) atau (4) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$3,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

(6) Pendakwaan kerana sebarang kesalahan yang boleh dihukum di bawah bab ini tidaklah boleh dimulakan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Pendakwa Raya.

(7) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang dianggap perlu atau mustahak oleh Baginda bagi menguatkuasakan peruntukan-peruntukan bab ini.

Dakwaan palsu berkenaan dengan bintang kebesaran Negara Brunei Darussalam.

17B. Mana-mana orang, sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, yang, di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam, dengan sengaja atau dengan palsu mendakwa sebagai penerima sebarang darjah kebesaran, pingat kehormatan, pengurniaan gelaran atau bintang kebesaran daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau yang menggunakan sebarang nama, gelaran, tambahan atau perihalan berkaitan dengan mana-mana bintang kebesaran Negara Brunei Darussalam —

(a) yang membayangkan demikian atau dalam hal keadaan bagaimana ia digunakan; atau

(b) yang dikira mendorong mana-mana orang untuk mempercayai,

bahawa dia telah memperoleh atau menerima bintang kebesaran Negara Brunei Darussalam tersebut adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$3,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali."

Diperbuat pada hari ini 2 haribulan Syaaban, Tahun Hijrah 1423 bersamaan dengan 9 haribulan Oktober, 2002 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM